

































6	Mengenal pasti bentuk ayat dan membetulkan kesalahan ayat.
7	Menganalisis petikan teks Arab berpandukan tatabahasa Arab yang betul dalam pelbagai konteks.
<b>B.4 Latihan Tatabahasa Arab Untuk Meningkatkan Kemahiran Membaca Teks Arab</b>	
1	Latihan mengenal pasti penggunaan kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang digunakan dalam pembinaan ayat.
2	Latihan mengenal pasti wazan kata dan tasrif fi'il dalam ayat.
3	Latihan aplikasi tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca teks Arab yang dipelajari oleh pelajar secara interaktif.
4	Latihan menganalisis penggunaan perkataan dalam ayat secara pembacaan dan penulisan.
5	Latihan penggunaan tatabahasa Arab dalam pelbagai konteks sama ada melalui aktiviti sendiri atau aktiviti 'hands-on'.
6	Latihan mengenal pasti tanda-tanda i'rab dengan harakat(baris) dan tanda-tanda i'rab dengan huruf.
7	Latihan mengenal pasti kesalahan penggunaan partikel bahasa Arab dalam pembinaan ayat.

Perbincangan dapatan pada bahagian ini adalah untuk mendapatkan kesepakatan Pakar Bahasa Arab mengenai komponen utama, tajuk-tajuk bahan pembelajaran tatabahasa Arab, aktiviti dan jenis latihan tatabahasa Arab yang perlu dimasukkan dalam modul pembelajaran tatabahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran membaca teks Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab di IPGM. Dalam bahagian ini, antara 27 item yang dianalisis menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* menunjukkan majoriti pakar bersetuju bahawa 25 item sahaja yang diterima kerana mencapai peratusan kesepakatan persetujuan kumpulan pakar, manakala 2 item ditolak iaitu item 5 bahagian B.1 (para pelajar berkemampuan menguasai partikel) dan item 8 bahagian B.3 (menganalisis kesilapan tatabahasa Arab dalam bentuk lembaran kerja secara interaktif).

Dalam bahagian pertama iaitu Domain Komponen Utama yang telah dipersetujui oleh kumpulan pakar adalah para pelajar berkebolehan menguasai Nahu (Sintaksis), para pelajar berkebolehan menguasai Sorf (Morfologi), Para pelajar berkemampuan menguasai Struktur Ayat, para pelajar berkebolehan menguasai Kosa Kata dan para pelajar berkemampuan menguasai Tanda-tanda i'rab. Rushdi Ahmad Ta'imah (1989) menjelaskan beberapa panduan umum mengenai pendekatan pengajaran nahu Arab yang perlu diambil kira antaranya ialah, bahasa Arab mempunyai gaya bahasa tersendiri dan semulajadi bahasanya (saliqah lughawiah). Guru perlu menekankan aspek definisi, fungsi dan kaedah tatabahasa Arab kepada pelajar dengan jelas dan betul. Hal ini dapat membantu pelajar mendalami gaya bahasa Arab apabila berhadapan dengan bahan bacaan seperti membaca syair dan prosa Arab.

Dalam aspek kedua iaitu berkaitan dengan tajuk-tajuk pembelajaran tatabahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran membaca teks Arab yang telah dipersetujui oleh para pakar adalah bermula dengan tajuk :

أقسام الكلمات (الاسم- الفعل- الحرف), أنواع الجملة (الجملة الفعلية- الجملة الاسمية- شبه الجملة) , المنصوبات (المفعول به- المفعول لأجله- المفعول فيه المفعول معه- المفعول المطلق- خبركان- اسم إن - الحال التمييز- المنادى- المستثنى- تابع لاسم منصوب (نعت، عطف، توكيد، بدل) , المجرورات (الجر والمجرور- الإضافة - تابع لاسم مجرور) , المرفوعات (الفاعل- نائب الفاعل- المبتدأ- الخبر- اسم كان - خبرإن - تابع لاسم مرفوع (نعت، عطف، توكيد، بدل) , الميزان الصرفي (أوزان الكلمات المجردة - أوزان الكلمات المزيدة) .



Dapatan ini selari dengan pandangan Rusydiy Ahmad Thu'aimah (1989) telah mengemukakan bentuk susunan dengan menggunakan dua kaedah iaitu, *al-tanzhim al-manthiqiy*; dimana bahan pelajaran nahu disusun berurutan dimulai dari tajuk-tajuk yang sederhana dan diakhiri dengan tajuk-tajuk yang kompleks, dan *al-tanzhim al-sikoloji*; di mana bahan pelajaran nahu disusun berdasarkan keperluan pelajar, tidak semestinya secara sistematik dari yang sederhana ke yang kompleks.

Dalam aspek ketiga iaitu tentang aktiviti-aktiviti tatabahasa arab yang telah disepakati oleh para pakar untuk meningkatkan kemahiran membaca teks arab adalah memahami pelbagai bentuk kata dalam bahasa arab memahami fungsi tatabahasa arab dalam ayat, memahami tasrif fi'il dan bentuk-bentuk fi'il dalam ayat mengenal pasti jenis-jenis i'rab dan tanda-tanda i'rab dalam ayat, memahami peranan partikel bahasa arab terhadap kata nama yang diiringinya dalam ayat, mengenal pasti bentuk ayat dan membetulkan kesalahan ayat dan menganalisis petikan teks arab berpandukan tatabahasa arab yang betul dalam pelbagai konteks. Ali Ahmad Madkur (2002) menyenaraikan beberapa perkara utama berkaitan kepentingan pengajaran nahu Arab secara lisan, mendengar, membaca dan menulis. Tanpa pemahaman mendalam terhadap tatabahasa, maka akan berlaku salah faham dan pelbagai kesalahan bahasa dalam pembelajaran kemahiran asas bahasa.

Manakala aspek keempat berkenaan dengan latihan tatabahasa arab untuk meningkatkan kemahiran membaca teks arab mengikut pandangan dan persetujuan pakar iaitu latihan mengenal pasti penggunaan kata nama, kata kerja dan kata adjektif yang digunakan dalam pembinaan ayat, latihan mengenal pasti wazan kata dan tasrif fi'il dalam ayat, latihan aplikasi tatabahasa arab dengan kemahiran membaca teks arab yang dipelajari oleh pelajar secara interaktif, latihan menganalisis penggunaan perkataan dalam ayat secara pembacaan dan penulisan, latihan penggunaan tatabahasa arab dalam pelbagai konteks sama ada melalui aktiviti sendiri atau aktiviti 'hands-on', latihan mengenal pasti tanda-tanda i'rab dengan harakat(baris) dan tanda-tanda i'rab dengan huruf dan latihan mengenal pasti kesalahan penggunaan partikel bahasa arab dalam pembinaan ayat. Naif Mahmud Maaruf (1987) menyenaraikan beberapa orang pakar yang mencadangkan pendekatan yang boleh dipraktikkan oleh guru bagi menarik minat pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran subjek tatabahasa Arab iaitu mencadangkan supaya tajuk-tajuk tatabahasa tidak merangkumi teori yang jarang dipraktikkan dalam pembelajaran seharian pelajar dan latihan amali tatabahasa juga perlu praktikal, boleh difahami dan dimanfaatkan oleh pelajar sama ada ketika sesi pembelajaran dalam kelas mahupun di luar kelas.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menerusi kaedah Fuzzy Delphi terhadap isi kandungan bahan pembelajaran tatabahasa Arab untuk dimuatkan dalam modul pembelajaran tatabahasa Arab untuk meningkatkan kemahiran teks Arab telah disempurnakan oleh pakar bahasa Arab. Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat di atas, satu bahan pembelajaran telah berjaya dibangunkan dan dijangka dapat memenuhi keperluan pelajar-pelajar bahasa Arab di IPGM. Di samping kaedah ini, seseorang pensyarah boleh menggabungkannya dengan kaedah-kaedah yang lain bagi menampung kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam sesuatu kaedah. Pemilihan kaedah yang berfokuskan kepada pelajar di samping aktiviti-aktiviti yang memberi ruang dan peluang kepada pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan untuk memastikan pelajar boleh membaca dengan baik dalam bahasa kedua.

**RUJUKAN**

- Abdul Halim Mohamed. 2002. Pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu satu analisis kesalahan. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.
- A Chaedar Alwasilah. 2011. *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ball, C. 1994. *Star right: The importance of early learning*. London: Royal Society For The Encourage Of Arts Manufactures And Commerce.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy sets and Systems 2000*, 157 (7), 879- 891.
- Chen, C.T. (2000). Extensions of the TOPSIS for group decision-making under fuzzy environment. *Fuzzy Sets and Systems 2000*, 114: 1-9.
- Cheng C.H & Lin Y. (2002). Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research 2002*, 142 (1) 74-86.
- Chu H.C. & Hwang G.J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems with Applications 2008* ; 34 : 28 26-40.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. (2012). *Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. Asia Pacific Rasdakatrya.
- Hussin Haji Noor. 1994. Isytiqaq dalam Bahasa Arab. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ishak Mohd. Rejab. 1993. Masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Pendidikan Islam di Malaysia. Ismail AB. Rahman (pynt.). hlm. 225-249. Bangi : penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Suardi Wekke. 2008. Amalan pendidikan bahasa Arab berasaskan kepelbagaian budaya di pesantren Sulawesi Selatan, Indonesia. Tesis Dr Fal. *UKM Journal of Educators and Education 37*, 37-50.
- Kaufmann, A.,& Gupta,M.M. (1998). *Fuzzy Mathematical Models in Engineering and Management Science*. Elsevier Science Publishers, North-Holland, Amsterdam, N.Y.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk pembangunan pendidikan 2006-2010: Edisi pelancaran*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Madkur, Ali Ahmad, *Manhaj al-Tarbiyah fi al-Tashawwur al-Islami*, Kairo, Dar al-Fikri al-Arabi, 2002
- Mohamad Sofee Razak. 2007b. Meningkatkan indeks literasi: Masyarakat Malaysia perlu menyuburkan budaya membaca. *Harian Metro*, 15 November: 12.

- Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar & Norlidah Alias. (2013). Application of Fuzzy Delphi Method in Educational Research. *Design and Developmental Research*. Dlm. Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt & Zaharah Hussin (pnyt). Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Murray, T.J., Pipino, L. L & Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human System Management*, 6-80.
- Naif Mahmud Ma'ruf. 1987. *Khasais al arabiyah wa Taraiq Tadrisuha*. Beirut: Dar al Nafais.
- Naimah Abdullah.2003. Analisis sintaksis bahasa Arab dan implikasinya ke atas makna. Tesis Dr Fal, Universiti Malaya.
- Naimah, A., & Aini, A. (2005). *Kajian tentang Persepsi Pelajar UiTM terhadap Kepentingan Bahasa Ketiga di UiTM*. Unpublished Manuscript, Shah Alam.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abdul Ghani (2002), Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kefahaman Bacaan Arab di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 61;75.
- Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon. 2012. Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, 19 Mei, Port Dickson Negeri Sembilan.
- Rosni Samah. (2008). Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah-sekolah Agama. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab (SEBAKA 2008)*. UKM, 47-54.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama, *GEMA Online™ Journal Of Language Studies*, Volume 12(2), May 2012.
- Tang, C.W. and Wu C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university, Springer. *Higher Education* 60: 269-286.
- Tay Meng Guat. 2005. Kebolehbacaan bahan bacaan. *Jurnal Penyelidikan MPBL 2005*. Jld. 6. Kuching, Sarawak: Jabatan Pengajian Melayu, Maktab Perguruan Batu Lintang. 23-25.
- Tu'aymah, Rushdi Ahmad. 1989. *Ta'lim al-Arabiah li ghairi al-Nathiqina biha; Manahijuhu wa Asalibuhu*, Rabath: al-Munazhamah al Islamiyah li al-Tarbiyah wa al-'Ulum wa al-Tsaqafah.
- Zamri Mahamod. 2008b. *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. (Pnyt). Shah Alam: Penerbitan Karisma.